

Sambutan Maal Hijrah 1445H/2023M

# 'Pertahankan Malaysia daripada anasir perkauman'

Kerajaan utama keamanan, kestabilan pastikan kebajikan rakyat terbela

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Malaysia dipertahan daripada anasir perkauman yang memecah-belah.

Dalam perutusan sempena sambutan Maal Hijrah 1445H/2023M, beliau berkata, keamanan dan kestabilan kini menjadi maqasid utama agar keba-

jikan rakyat terbela.

Katanya, sebarang usaha untuk mengubah negara yang berperlembagaan dan berdaulat kepada negara perkauman yang huru-hara, walau seinci pun tidak sesekali akan dibiarkan.

"Marilah kita bertekad untuk melakukan hijrah yang hakiki. Berhijrah daripada kemungkaran kepada kebaikan. Daripada kebejatan rasuah kepada amanah. Daripada ketaasuban kepada minda yang merdeka. Dan, daripada perkauman sempit kepada taayush silmi (hidup bermuafakat)," katanya.

Mengimbuai sejarah penghijrahan Nabi Muhammad SAW dalam mendirikan kota Madinah.

Anwar berkata, Rasulullah meletakkan asas tatacara dan ta-

takelola sistem pemerintahan Islam dengan pengajaran dan kefahaman mengenai soal akhlak, nilai dan prinsip.

## **Sikap rahmah, adil buat semua**

Beliau berkata, daripada didikan kerohanian itu, terbitnya dasar kenegaraan yang mencerminkan sikap rahmah dan adil buat semua.

"Penghijrahan rasul membenam fahaman perkauman. Pakatan Muhajirin bersama Ansar, dan sebelumnya bersama Raja Ashamah, pemerintah negeri Habsyah mencerminkan semangat kerjasama dalam perkara makruf.

"Kota Madinah dilatari kepelbagaian agama, budaya dan bangsa kemudian didirikan atas nama umat yang satu, Demikian



Anwar bersama penerima Anugerah Tokoh Antarabangsa Maal Hijrah, Mufti Besar India, Al-Allamah Sheikh Abu Bakr Ahmad di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Aswadi Alias/BH)

hijrah Rasul dan sahabat menjadi ibrah segar sepanjang zaman," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Nai'im Mokhtar, berkata umat Islam harus bijak memanfaatkan teknologi maklumat dan tidak seharusnya cenderung kepada perkara negatif, termasuk mengadu-domba serta menyebarkan fitnah seterusnya membawa kepada perpecahan.

Beliau berkata, sekiranya perkara itu dibiarkan berterusan, umat Islam akan terus berada dalam keadaan lemah.

Berikutan itu, katanya, umat Islam seharusnya menggunakan semangat Maal Hijrah untuk merapatkan kesatuan hati serta pemikiran untuk membina jati diri yang mantap.

Mohd Nai'im berkata demikian dalam ucapan sempena Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di sini semalam.